



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 3/2023

**MENERIMA PAKAI SURAT EDARAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**

1. Pekeling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pemakaian Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan Bilangan 5/2022 (Kali ke-67) bersidang pada 15 Disember 2022 telah bersetuju untuk menerima pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seperti berikut:

BIL.	SURAT EDARAN	TAJUK	TARIKH KUAT KUASA
1.	Surat Edaran JPA.(S).800-1/1/7 (3) Rujuk Lampiran A	Penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat: a. Peluasan tafsiran ahli keluarga terdekat kini ditambah baik merangkumi adik-beradik, nenek dan datuk pegawai. b. Cuti Tanpa Rekod ini terhad kepada maksimum tiga (3) hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.	5 September 2022
3.	Surat Edaran JPA.(S).800-1/1/7 Jld (26) Rujuk Lampiran B	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat: a. Terhad kepada maksimum lima (5) hari setahun tidak termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.	20 September 2022

4. Surat Edaran JPA.(S).800-1/1/7 (37) Rujuk Lampiran C	Permohonan Pengisytiharan Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera Di Bawah Cuti Tanpa Rekod: a. Penjawat awam yang menjadi ahli Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) boleh diberikan kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) selama tidak melebihi 14 hari dalam setahun bagi menghadiri mesyuarat agung tahunan, mesyuarat luar biasa, kursus, khemah tahunan, seminar dan aktiviti-aktiviti sukan anjuran BAKAT yang diadakan dalam Malaysia. b. Pegawai juga diberikan tambahan dua (2) hari perjalanan pergi dan balik ketempat aktiviti berkenaan.	26 Ogos 2022
---	---	--------------

Sekian, terima kasih.

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)
 Pendaftar

⌚ JANUARI 2023

- s.k - Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
 Aras 13, Blok C1, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 W.P. PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel: 603-80008000
 Faks (Fax): 603-88892187
 Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S). 800-1/1/7(3)
 Tarikh : 5 September 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan
 Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
 Semua Pihak Berkuasa Berkanun
 Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat diperuntukkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Ceraian SR.5.2.1 kepada pegawai perkhidmatan awam bagi menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan kematian ahli keluarga terdekat. Dalam hal ini, tafsiran ahli keluarga terdekat sedia ada bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat *de facto* dan anak pelihara.

3. Selaras dengan pengumuman inisiatif baharu oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-18 (MAPPA XVIII) pada 30 Ogos 2022 yang lalu, Kerajaan bersetuju supaya peluasan tafsiran ahli keluarga terdekat di dalam MyPPSM Ceraian SR.5.2.1 (Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat - **Lampiran A**) ditambah baik.
4. Peluasan tafsiran ahli keluarga terdekat kini ditambah baik merangkumi adik-beradik, nenek dan datuk pegawai. Penambahbaikan ini berkuat kuasa bermula tarikh surat ini dikeluarkan.
5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

SOALAN LAZIM
PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN SR.5.2.1
KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah pemakaian penambahbaikan peraturan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat ini berkuat kuasa?	Pemakaian penambahbaikan peraturan ini berkuat kuasa mulai tarikh Surat Edaran dikeluarkan.
2.	Berapa lamakah tempoh masa yang diberikan bagi kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi urusan kematian ahli keluarga?	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod diberikan selama tiga (3) hari berturut-turut kepada pegawai Perkhidmatan Awam termasuk Hari Raya Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.
3.	Apakah yang dimaksudkan dengan terma “ahli keluarga terdekat” dalam kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi urusan kematian ahli keluarga?	Ahli Keluarga Terdekat bermaksud suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat (yang sah di sisi undang-undang), bapa kandung atau bapa angkat (yang sah di sisi undang-undang), ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat de facto dan anak pelihara, adik-beradik, nenek dan datuk pegawai.
4.	Adakah pegawai boleh menggunakan kemudahan ini sekiranya terdapat kematiian adik-beradik seayah?	Boleh. Adik-beradik seayah termasuk dalam tafsiran adik beradik.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	Bagaimana pula sekiranya sekiranya terdapat kematian adik-beradik tiri pegawai. Adakah pegawai boleh menggunakan kemudahan ini?	Tidak boleh. Adik-beradik tiri tidak termasuk dalam tafsiran ahli keluarga terdekat.
6.	Sekiranya pegawai mempunyai bapa kandung dan bapa angkat yang sah di sisi undang-undang, adakah kemudahan ini boleh digunakan sekiranya berlaku kematian bagi bapa kandung dan bapa angkat pegawai tersebut?	Kemudahan ini hanya boleh digunakan salah seorang sama ada bapa kandung atau bapa angkat.
7.	Adakah terdapat had penggunaan kemudahan ini sekiranya kematian melibatkan adik-beradik?	Pegawai boleh menggunakan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat tanpa had bagi kematian yang melibatkan adik-beradik tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan.
8.	Adakah kemudahan ini boleh digunakan bagi kematian ibu mentua atau bapa mentua?	Kemudahan ini adalah terhad bagi seorang ibu mentua dan seorang bapa mentua sahaja sepanjang tempoh Perkhidmatan.
9.	Pegawai telah berpisah dengan suami dan ibu mentua pegawai bagi suami terdahulu telah meninggal dunia. Adakah pegawai boleh menggunakan kemudahan ini untuk kematian ibu mentua bagi suami terdahulu tersebut?	Tidak boleh. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat ini hanya boleh digunakan untuk kematian ibu mentua iaitu ibu kepada suami pegawai yang sah yang masih dalam ikatan perkahwinan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
10.	Sekiranya nenek atau datuk pasangan pegawai meninggal dunia, adakah pegawai layak menggunakan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat?	Tidak layak. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat ini hanya boleh digunakan untuk kematian nenek atau datuk pegawai sahaja.
11.	Bagaimana pula sekiranya nenek tiri atau datuk tiri pegawai meninggal dunia? Adakah pegawai boleh menggunakan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat?	Tidak boleh. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat ini hanya boleh digunakan untuk kematian nenek atau datuk pegawai sahaja.
12.	Encik Zainal merupakan seorang Pegawai Tadbir, Gred N41 di Jabatan Pertanian. Beliau mempunyai dua (2) orang isteri yang sah. Pada 20 Disember 2021, bapa kepada isteri kedua beliau telah meninggal dunia. Encik Zainal pernah menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat atas kematian bapa isteri pertama beliau semasa beliau berkhidmat di Lembaga Pertubuhan Peladang. Adakah Encik Zainal layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat	Pegawai tidak layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat atas kematian bapa mentua (bapa isteri kedua) kerana pernah menggunakan kemudahan yang sama bagi kematian bapa mentua (bapa isteri pertama) beliau semasa beliau berkhidmat di Lembaga Pertubuhan Peladang memandangkan kemudahan ini terhad sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan Kerajaan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
13.	atas kematiian bapa mentua (bapa isteri kedua) beliau?	<p>Apakah yang dimaksudkan dengan selepas waktu pejabat di perenggan 4 (iii) (a) MyPPSM S.R.5.2.1?</p> <p>Selepas waktu pejabat bermaksud berdasarkan MYPPSM Cerian 4.1.1 {Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Persekutuan}.</p> <p>Sekiranya kematiian berlaku selepas pukul 6.00 petang maka Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematiian Ahli Keluarga Terdekat bermula pada hari berikutnya.</p> <p>Peraturan ini juga terpakaai bagi pegawai yang waktu bekerja bukan pejabat/ syif.</p>
14.	Puan Vasanthi merupakan Pegawai Teknologi Maklumat, Gred F41 yang bertugas di Universiti Malaya. Pada hari Sabtu, 9 April 2022, pukul 6.30 petang beliau dimaklumkan ibunya telah meninggal dunia. Bilakah Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematiian Ahli Keluarga Terdekat bermula?	<p>Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematiian Ahli Keluarga Terdekat untuk Puan Vasanthi bermula pada 10 hingga 12 April 2022 iaitu termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.</p> <p>Dalam hal ini, "selepas waktu pejabat" bermaksud selepas pukul 6.00 petang berdasarkan MYPPSM Cerian 4.1.1 {Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Persekutuan}. Peraturan ini juga terpakaai bagi pegawai yang waktu bekerjanya bukan waktu pejabat/syif.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
15.	<p>Encik Keith Foo merupakan seorang anggota polis yang bertugas di sempadan negara. Jadual bertugas bagi bulan Julai 2021 telah dikeluarkan Ketua Jabatan. Semasa sedang bertugas pada 12 Julai 2021, pukul 4.30 petang, Encik Keith Foo telah menerima berita yang bapa mentuanya telah meninggal dunia. Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematiian Ahli Keluarga Terdekat?</p>	<p>Pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematiian Ahli Keluarga Terdekat untuk kematian bapa mentuanya mulai 12 hingga 14 Julai 2021, tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.</p>
16.	<p>Puan Saidatul telah diluluskan Cuti Tanpa Rekod bagi kematiian bapa beliau mulai 10 hingga 11 Jun 2021 oleh Ketua Jabatannya memandangkan terdapat tugas-tugas penting yang perlu diselesaikan. Pada 20 Oktober 2021, anak angkat Puan Saidatul meninggal dunia. Bolehkan pegawai menggunakan baki satu (1) hari daripada tempoh Cuti Tanpa Rekod terdahulu yang tidak digunakan bagi membolehkan Pegawai berturut-turut bagi sesuatu kes kematian ahli keluarga tiga (3) hari berturut-turut bagi sesuatu kes kematian ahli keluarga terdekat yang dibenarkan.</p>	<p>Pegawai tidak boleh menggunakan baki satu (1) hari daripada tempoh Cuti Tanpa Rekod terdahulu yang tidak digunakan bagi membolehkan pegawai bercuti mulai 20 hingga 23 Oktober 2015. Kelulusan Cuti Tanpa Rekod bagi kematiian anak angkat beliau tertakluk ke tempoh tiga (3) hari berturut-turut bagi sesuatu kes kematian ahli keluarga terdekat yang dibenarkan.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
17.	<p>Isteri Encik Amri telah melahirkan anak sulung mereka pada 15 Januari 2022. Namun begitu, dua (2) hari kemudian, anak beliau telah meninggal dunia. Adakah pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Kematiān Ahli Keluarga atau kemudahan Cuti Isteri Bersalin?</p>	<p>Pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Isteri Bersalin (Pekeling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2002) selama tujuh (7) hari mulai tarikh isteri pegawai bersalin. Sekiranya pegawai sedang menggunakan kemudahan Cuti Isteri Bersalin sebanyak tujuh (7) hari mulai 15 hingga 21 Januari 2022, pegawai tidak layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat berdasarkan prinsip “hanya satu kemudahan dinikmati dalam satu-satu masa”.</p>
18.	<p>Pegawai A bertugas di Putrajaya. Bapa beliau meninggal dunia pada 3 Mac 2020 pada pukul 10.00 pagi, di kampungnya di Sarawak. Oleh sebab tiket penerbangan ke Sarawak telah penuh, tarikh terawal pegawai dapat pulang ke Sarawak adalah pada 6 Mac 2020. Adakah pegawai boleh menggunakan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bermula pada 6 Mac 2022?</p>	<p>Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat adalah bermula pada tarikh kematiān ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkennaan meninggal dunia selepas waktu pejabat.</p> <p>Oleh itu, dalam kes ini, Pegawai A layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat bermula 3 Mac hingga 5 Mac 2022. Pegawai A perlu menggunakan Cuti Rehat atau cuti-cutii lain yang berkelayakan sekiranya pegawai ingin bercuti mulai 6 Mac 2022.</p>

Maklumat perhubungan berkaitan perkara ini boleh diajukan ke talian 03-8885 5660/ 03-8885 5689/ 03-8885 5609 atau emel ke cspa@jpa.gov.my.



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
 Aras 13, Blok C1, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 W.P. PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel: 603-80008000
 Faks (Fax): 603-88892187
 I aman Weh (Weh) www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S). 800-1/1/7 (26)
 Tarikh : 20 September 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI MELAKSANAKAN AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Kerajaan melalui Belanjawan Tahun 2022 telah bersetuju untuk memberikan kemudahan Cuti Tanpa Rekod maksimum lima (5) hari setahun kepada pegawai perkhidmatan awam yang terlibat dengan aktiviti khidmat masyarakat dengan pertubuhan yang diluluskan. Pemberian kemudahan ini adalah sebagai galakan kepada penjawat awam yang melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat.



3. Penambahbaikan peraturan ini dilaksanakan melalui MyPPSM Ceraian SR.5.5.7 (Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat) seperti di **Lampiran A** berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

**KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI MELAKSANAKAN
AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT**

TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan menetapkan peraturan berkaitan kemudahan Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai perkhidmatan awam yang melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat dalam negara dengan pertubuhan yang diluluskan.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa kini, tiada kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi aktiviti khidmat masyarakat. Bagi menggalakkan penyertaan pegawai perkhidmatan awam, maka Kerajaan bersetuju untuk memperuntukkan kemudahan Cuti Tanpa Rekod bagi aktiviti khidmat masyarakat dalam negara dengan pertubuhan yang diluluskan.

PELAKSANAAN

Tafsiran

3. Dalam Ceraian ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“aktiviti khidmat masyarakat” bermaksud kegiatan atau kerja-kerja kemasyarakatan yang dilaksanakan secara sukarela yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara.

“pertubuhan yang diluluskan” bermaksud pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau pertubuhan yang mempunyai akta penubuhan sendiri/ undang-undang khusus yang lain atau yayasan yang ditubuhkan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 atau Akta Syarikat 2016 atau undang-undang khusus lain yang berkuat kuasa di dalam negara.

“Ketua Jabatan” bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan atau agensi dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan Cuti Rehat bagi kementerian, jabatan atau agensi.

Kelayakan

4. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai perkhidmatan awam yang melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat dengan pertubuhan yang diluluskan dilaksanakan seperti berikut:

- (i) kemudahan ini diberikan maksimum lima (5) hari setahun tidak termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (ii) sekiranya aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan kurang daripada empat (4) jam, pegawai hendaklah menggunakan Peraturan Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja di Bawah Perintah Am 5 Bab G - Mematuhi Waktu Bekerja (Ceraian SR.4.2.2);
- (iii) permohonan Cuti Tanpa Rekod hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan dengan mengemukakan surat daripada pertubuhan mengenai aktiviti yang akan dilaksanakan;
- (iv) kelulusan kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan atas kepentingan perkhidmatan; dan
- (v) penggunaan kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini dicatatkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan.

5. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini diperuntukkan kepada pegawai perkhidmatan awam yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak (*contract of service*).

TARIKH KUAT KUASA

6. Ceraian ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

SOALAN LAZIM
PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN SR.5.5.7
KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD BAGI MELAKSANAKAN
AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat ini berkuat kuasa?	Peraturan ini berkuat kuasa mulai 20 September 2022.
2.	Adakah pegawai lantikan personel MySTEP layak mendapat kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat ini?	Tidak layak. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat tidak terpakai kepada personel MySTEP.
3.	Adakah pegawai yang terlibat dengan aktiviti khidmat masyarakat anjuran yayasan yang yang didaftarkan di bawah Trustees (<i>Incorporation</i>) Ordinance (Sabah Cap.148) boleh memohon Cuti Tanpa Rekod ini?	Boleh. Pegawai boleh memohon Cuti Tanpa Rekod untuk melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat ini kerana yayasan yang didaftarkan di bawah Trustees (<i>Incorporation</i>) Ordinance (Sabah Cap.148) termasuk dalam definisi pertubuhan yang diluluskan di bawah Ceraian SR.5.5.7 (Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
4.	<p>Sekiranya pertubuhan/ persatuan di bawah Perintah Am 42(a) dan Perintah Am 45 Bab C (Cuti) melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat, adakah pegawai yang menjadi ahli kepada pertubuhan/ persatuan tersebut layak mendapat kemudahan Cuti Tanpa Rekod tersebut?</p>	<p>Layak.</p> <p>Pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini kerana pertubuhan yang diisyihar oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di bawah Perintah am 42(a) dan Perintah Am 45 Bab C (Cuti) merupakan pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966.</p>
5.	<p>Pasukan Simpanan Sukarelawan Tentera Udara DiRaja Malaysia merupakan pasukan sukarela di bawah Perintah Am 41 Bab C (Cuti). Sekiranya pegawai yang menjadi ahli kepada pasukan tersebut menyertai aktiviti khidmat masyarakat bagi membantu mangsa bencana banjir, adakah pegawai tersebut layak memohon Cuti Tanpa Rekod tersebut?</p>	<p>Layak.</p> <p>Pegawai layak menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini kerana pasukan sukarela tersebut diperuntukkan penubuhannya di bawah Akta Angkatan Tentera 1972 (Akta 77) seperti mana definisi pertubuhan yang diluluskan di bawah Ceraian SR.5.5.7.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Adakah kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini terpakai untuk aktiviti khidmat masyarakat di luar negara?	Tidak. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini hanya terpakai bagi aktiviti khidmat masyarakat di dalam negara sahaja.
7.	Sekiranya aktiviti khidmat masyarakat diadakan melebihi lima (5) hari, apakah cuti lain yang boleh digunakan?	Pegawai boleh menggunakan Cuti Tanpa Rekod ini terhad kepada maksimum lima (5) hari setahun tidak termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am. Pegawai boleh menggunakan Cuti Rehat berkelayakan, Cuti Rehat Khas atau Cuti Tanpa Gaji bagi tempoh yang melebihi lima (5) hari tersebut.
8.	Sekiranya pegawai tidak menggunakan Cuti Tanpa Rekod ini pada tahun semasa, adakah cuti Cuti Tanpa Rekod tersebut boleh dibawa ke tahun berikutnya?	Tidak boleh. Kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini terpakai pada tahun semasa sahaja dan tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya sekiranya tidak digunakan.
9.	Adakah kadar Cuti Tanpa Rekod maksimum lima (5) hari ini hanya boleh digunakan untuk sekali penyertaan dalam aktiviti khidmat masyarakat?	Kemudahan Cuti Tanpa Rekod ini tidak terhad kepada bilangan aktiviti Khidmat masyarakat yang dilaksanakan sebaliknya tertakluk kepada bilangan hari yang digunakan. Pegawai boleh menggunakan

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	baki Cuti Tanpa Rekod yang ada untuk melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat yang lain tertakluk kepada maksimum lima (5) hari. Cuti Tanpa Rekod ini boleh digunakan secara sekali gus atau pun secara berasingan tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.	
10.	Pegawai hanya mengemukakan gambar aktiviti khidmat masyarakat yang disertai bersama pertubuhan yang diluluskan kepada Ketua Jabatan untuk memohon Cuti Tanpa Rekod ini. Adakah gambar tersebut boleh dianggap sebagai dokumen pembuktian semasa memohon Cuti Tanpa Rekod ini?	Tidak boleh. Permoohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan dengan mengemukakan surat daripada pertubuhan mengenai aktiviti yang akan dilaksanakan.
11.	Adakah aktiviti khidmat masyarakat seperti memberi makan kepada gelandangan tersebut dianjurkan oleh pertubuhan yang diluluskan, maka Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat maksimum lima (5) hari setahun.	Sekiranya aktiviti khidmat masyarakat seperti memberi makan kepada gelandangan tersebut dianjurkan oleh pertubuhan yang diluluskan, maka Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Melaksanakan Aktiviti Khidmat Masyarakat maksimum lima (5) hari setahun.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
12.	<p>Adakah pegawai perlu memohon Cuti Tanpa Rekod atau menggunakan Peraturan Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja di Bawah Perintah Am 5 Bab G sekiranya pegawai hanya menyertai aktiviti khidmat masyarakat dengan pertubuhan yang diluluskan bagi tempoh tiga (3) jam?</p>	<p>Sekiranya aktiviti khidmat masyarakat yang dilaksanakan kurang daripada empat (4) jam, pegawai hendaklah menggunakan Peraturan Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja di Bawah Perintah Am 5 Bab G - Mematuhi Waktu Bekerja (Ceraian SR.4.2.2)</p>



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
 Aras 13, Blok C1, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 W.P. PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel: 603-80008000
 Faks (Fax): 603-88892187
 Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S).800-1/1/7(37)
 Tarikh : 26 Ogos 2022

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz
 Ketua Setiausaha
 Kementerian Pertahanan Malaysia
 Pejabat Ketua Setiausaha
 Wisma Pertahanan
 Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

YBhg. Dato' Sri,

**PERMOHONAN PENGISYTIHARAN BADAN KEBAJIKAN KELUARGA
 ANGKATAN TENTERA DI BAWAH CUTI TANPA REKOD PERINTAH AM
 42(a) BAB C (CUTI) TAHUN 1974**

Saya ingin menarik perhatian YBhg. Dato' Sri kepada perkara di atas dan surat Majlis Angkatan Tentera Malaysia rujukan MATM/PAT(BAKAT).400-1/2/3-(25) bertarikh 5 Julai 2022 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa permohonan Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) untuk diisyihar sebagai persatuan di bawah Perintah Am 42(a) Bab C (Cuti) adalah **dipersetujui**.

3. Sehubungan dengan itu, penjawat awam yang menjadi ahli BAKAT boleh diberikan kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) selama tidak melebihi 14 hari dalam setahun bagi menghadiri mesyuarat agung tahunan, mesyuarat luar biasa, kursus, khemah tahunan, seminar dan aktiviti-aktiviti sukan anjuran BAKAT yang diadakan dalam Malaysia. Pegawai juga

diberikan tambahan dua (2) hari perjalanan pergi dan balik ke tempat aktiviti berkenaan.

4. Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kemudahan CTR ini tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan memastikan penglibatan pegawai dalam aktiviti persatuan tidak menjelaskan penyampaian perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

s.k.:

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang
Jeneral TUDM
Panglima Angkatan Tentera
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Kementerian Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

Pengerusi Jemaah Tertinggi
Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT)
d/a Rumah BAKAT ATM
Lorong Tumbok Lada off Lorong Kubu
Kem KEMENTAH
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR
(u.p.: Datuk Arman Rumaizi bin Hj. Ahmad)